

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan secara terperinci tentang dapatan kajian yang telah diperoleh. Dapatan kajian ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan utama iaitu; (1) mengkaji latar belakang Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia, (2) menilai kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia dan (3) menganalisis penerimaan guru al-Quran di Malaysia terhadap Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia.

4.2 Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta kajian dibahagikan kepada dua kategori, iaitu peserta kajian yang menjawab persoalan kajian pertama dan peserta kajian yang menjawab persoalan kajian kedua dan ketiga.

4.2.1 Profil Peserta Kajian bagi Persoalan Kajian Pertama

Persoalan kajian pertama dijawab oleh dua orang peserta kajian yang terdiri daripada wakil ahli panel pengubal modul. Ia bertujuan bagi memberi maklumat mendalam terhadap MPQBM yang dibangunkan. Profil peserta kajian tersebut secara terperinci dipaparkan dalam Jadual 4.1 di bawah.

Jadual 4.1: Profil Pengubal Modul

Peserta Kajian	Negeri	Umur	Pekerjaan	Institusi	Tempoh Pengalaman Mengajar
Panel 1	Selangor	56	Guru	SMPK Setapak	24
Panel 2	Pahang	45	Pensyarah	USIM	15

Panel 1 berusia 56 tahun berasal dari Selangor. Beliau merupakan seorang OKU MP dan bekerja sebagai guru selama 24 tahun di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (SMPK), Setapak. Manakala Panel 2 pula merupakan seorang pensyarah kanan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM yang berasal dari negeri Pahang dan berumur 45 tahun. Beliau berpengalaman dalam bidang pendidikan selama 15 tahun. Kedua-dua pengubal modul MPQBM ini adalah pakar dalam bidang al-Quran Braille dan menariknya, mereka telah dilantik oleh KDN dan JAKIM menjadi Jawatankuasa Pembangunan MQBM dan Lajnah Tashah al-Quran Braille di Malaysia.

4.2.2 Profil Peserta Kajian bagi Persoalan Kajian Kedua dan Ketiga

Persoalan kajian kedua dan ketiga pula dijawab oleh enam orang peserta kajian yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar al-Quran Braille di sekolah dan pusat pengajian. Pemilihan ini berdasarkan persampelan bertujuan mendapatkan maklumat berkaitan dengan tahap penggunaan MPQBM ini. Berdasarkan keupayaan penglihatan, tiga peserta adalah berpenglihatan manakala tiga peserta lain adalah OKU MP. Di samping itu, dalam aspek tahap penguasaan al-Quran Braille pula, tiga orang daripada mereka menguasai al-Quran Braille dan tiga orang yang lain kurang menguasai al-Quran Braille. Walaupun kebanyakan peserta berpengalaman dalam mengajar al-Quran

Braille lebih dari lima tahun, namun sesetengah mereka masih kurang menguasai al-Quran Braille atas beberapa faktor.

Jadual 4.2: Profil Guru al-Quran Braille

Peserta Kajian	Jantina	Institusi	Keupayaan	Pengalaman Mengajar al-Quran Braille	Tahap Penguasaan
PK1	Perempuan	SK Jabi	Berpenglihatan	15 tahun	Mengusai
PK2	Lelaki	MAB	OKU MP	3 tahun	Mengusai
PK3	Perempuan	SK Jabi	Berpenglihatan	5 tahun	Kurang menguasai
PK4	Lelaki	SKPK Princess, Elizabeth	OKU MP	7 tahun	Kurang menguasai
PK5	Lelaki	SKPK Princess, Elizabeth	OKU MP	24 tahun	mengusai
PK6	Perempuan	SKPK Kuala Terengganu	Berpenglihatan	5 tahun	Kurang menguasai

Peserta Kajian 1 (PK1) merupakan guru kafa di sekolah Kebangsaan Jabi, Kedah. Beliau berasal dari Kedah dan berpengalaman selama 15 tahun dalam mengajar al-Quran Braille bagi pelajar Tahun Satu sehingga Tahun Enam. Beliau adalah satu-satunya guru yang mengajar al-Quran Braille di sekolah Kafa di negeri Kedah. Kebanyakan pelajar yang mengalami masalah penglihatan dimasukkan ke sekolah pendidikan khas. Setakat tahun ini, beliau mempunyai lima orang MBPK MaL.

Peserta kajian 2 (PK2) pula seorang guru yang mengalami masalah Penglihatan. Beliau mula menceburi bidang pendidikan pada tahun 2013 kepada murid tipikal dan mula mengajar al-Quran Braille sepenuhnya pada 2019. Kini, beliau bekerja dengan mengajar al-Quran Braille di MAB, Ipoh. Walaupun beliau hanya mempunyai pengalaman selama tiga tahun dalam mengajar al-Quran Braille, namun beliau mahir

Braille sejak kecil lagi. Hal ini kerana beliau mengalami masalah penglihatan sejak dari lahir. Beliau juga berpengalaman dilantik sebagai Lajnah Tasheh al-Quran Braille Malaysia dan diamanahkan untuk bersama-sama membangunkan MQBM.

Peserta kajian 3 (PK3) berasal dari Kedah. Beliau seorang guru Pendidikan Islam dan bahasa Arab di Program Pendidikan Khas Masalah Penglihatan (PPKIP) SK Jabi. Beliau berpengalaman mengajar selama lima tahun, namun beliau tidak sepenuhnya menguasai al-Quran Braille kerana beliau lebih memfokuskan kepada subjek Pendidikan Islam dan tidak sepenuhnya al-Quran Braille. Terdapat guru lain yang akan mengajar khusus berkaitan al-Quran Braille. Sebelum ini, beliau pernah mengajar murid-murid tipikal di Sekolah Kebangsaan di Kedah.

Seterusnya, peserta 4 (PK4) berusia 36 tahun dan berasal dari Johor. Beliau merupakan seorang guru OKU MP. Berpengalaman selama tujuh tahun mengajar al-Quran Braille dan subjek-subjek lain di SKPK Princess, Elizabeth, Johor Bahru. Beliau mengikuti sukatan Jabatan Agama Islam Negeri Johor dalam sesi PdP. Beliau juga tidak menguasai penulisan al-Quran Braille sepenuhnya kerana banyak mengajar subjek lain kepada MBPK MaL.

Peserta kajian 5 (PK5) juga seorang guru OKU MP. Beliau berumur 57 tahun dan seorang guru juga di SKPK Princess, Elizabeth, Johor bahru. Beliau bukan sahaja mengajar kanak-kanak di sekolah, malah juga mengajar orang dewasa di pusat pengajian al-Quran Braille di PERTIS. Beliau mempunyai pengalaman mengajar selama 24 tahun.

Peserta kajian terakhir merupakan seorang guru dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Kuala Terengganu. Beliau adalah guru lepasan Kursus Perguruan

Lepasan Ijazah (KPLI) dan berpengalaman mengajar pendidikan Islam kepada murid MBPK MaL selama lima tahun. Beliau kurang menguasai penulisan al-Quran Braille kerana kebanyakan murid beliau adalah kategori masalah rabun teruk dan tidak menggunakan al-Quran Braille.

4.3 Latar Belakang Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Input berkaitan latar belakang MPQBM hasil daripada analisis dokumen MPQBM dan temu bual bersama dua orang wakil panel pengubal MPQBM. Pelaporan akan dibuat mengikut soalan kajian dan dapatan kajian akan dilaporkan menggunakan Atlas.ti. Antara soalan yang diajukan ialah latar belakang MPQBM, keperluan pembangunan MPQBM, matlamat dan objektif MPQBM, struktur kandungan MPQBM, cabaran pembangunan MPQBM, keunikan dan keistimewaan MPQBM serta perancangan pengembangan MPQBM.

1. Latar Belakang Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

MPQBM ialah sebuah modul yang telah dibangunkan hasil kolaborasi kumpulan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Ibnu Umri Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bersama Persatuan Orang-Orang Cacat Muslim Malaysia (PERTIS) melalui geran penyelidikan sepadan (Research Matching Grant). Modul ini dibangunkan rentetan daripada penerbitan MQBM yang dirasmikan oleh YB Senator Datuk Idris Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 26 April 2022. Menurut panel 1, MQBM telah ditambah baik penulisannya berpandukan garis panduan yang dikeluarkan KDN iaitu Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia. Antara penambahbaikan yang dibuat pada MQBM adalah penerapan pendekatan *Rasm Uthmani* yang berasaskan prinsip *Dhahf* dan *Rasm* yang digunakan di dalam mashaf al-Quran bercetak (Mashaf Madinah). Pembangunan modul ini bertujuan menyelaraskan dan menyebarkan kefahaman dan penguasaan kumpulan sasaran berkaitan kaedah baharu penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia berasaskan *Rasm Uthmani*.

2. Keperluan Pembinaan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Penghasilan MPQBM adalah sangat diperlukan selepas MQBM dibangunkan. Ia menjadi keperluan kepada para pengajar al-Quran dalam mengajar komuniti OKU MP untuk memahami dan menguasai penambahbaikan yang berlaku dalam MQBM. Ia juga adalah sebagai pengenalan kepada MQBM.

Seperti yang dinyatakan oleh Panel 1;

“Mashaf al-Quran Braille Malaysia ini memang tak ada satu modul lain lagi yang pernah dibuat sebab Mashaf al-Quran Braille Malaysia ini pun baru sahaja diterbitkan. Ia baru

dilancarkan tahun ini dan dengan pelancaran itupun sekadar pelancaran. Masih belum ada penggunaan yang meluas lagi dalam kalangan orang buta sendiri. Jadi, apabila ada satu bahan al-Quran Braille dilancarkan, dia memerlukan kepada intro ataupun bagaimana cara nak menggunakan al-Quran Braille tu”

Menurut Panel 2 pula, terdapat satu dokumen yang telah dihasilkan oleh KDN iaitu *Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia*. Namun, buku tersebut tidak sesuai untuk dijadikan panduan pengajaran dan pembelajaran kerana ia dihasilkan sebagai garis panduan untuk menulis al-Quran Braille. Maka, sebuah modul pengajaran amat diperlukan sebagai satu bahan rujukan dan panduan bagi meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan guru dan pengguna terhadap PdP al-Quran Braille.

Bahkan, menurut kedua-dua pengubal MPQBM menyatakan tiada lagi modul yang standard lengkap bercetak berkaitan pengajaran al-Quran Braille tidak seperti negara jiran lain seperti Indonesia. Sebelum ini, terdapat beberapa bahan berbentuk nota dihasilkan oleh para pengajar berdasarkan pengalaman mereka. Namun, masih belum wujud lagi modul yang lengkap yang dihasilkan dengan mempunyai tajuk-tajuk khas berkaitan penulisan al-Quran Braille serta latihan pengukuhan. Justeru, Modul MPQBM ini dibangunkan dengan gabungan kepakaran bidang *Dhabit Rasm* al-Quran dan bidang penulisan Braille.

3. Matlamat dan Objektif Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Panel 1 dan 2 menyenaraikan beberapa objektif utama dalam penyediaan bahan pengajaran ini, antaranya:

- 1) Berperanan sebagai panduan kepada komuniti OKU MP dalam mempelajari dan membaca al-Quran sesuai dengan evolusi yang berlaku terhadap mashaf al-Quran Braille.
- 2) Berperanan sebagai rujukan dan panduan bagi meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan pengguna terhadap PdP al-Quran Braille.
- 3) Menyelaras dan menyebarkan kefahaman dan penguasaan kumpulan sasaran berkaitan kaedah baharu penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia berdasarkan *Rasm Uthmani*.


4. Struktur Kandungan

Metodologi yang digunakan dalam penghasilan modul ini ialah pendekatan model ADDIE iaitu *Analyze, Design, Develop, Implement, dan Evaluate*. Pembangunan modul ini berasaskan Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia terbitan KDN yang menekankan kaedah penulisan *Rasm Uthmani*. Inisiatif pembangunan modul ini bertujuan menjadi panduan dalam meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan pengguna terhadap MQBM. Modul ini memfokuskan lima topik utama iaitu, ilmu penulisan dan pembacaan al-Quran, sistem penulisan Braille, kod mashaf al-Quran Braille Malaysia, tanda baca khas dan kaedah umum penulisan al-Quran Braille. Modul ini diterbitkan dalam dua versi, iaitu versi bercetak bagi yang berpenglihatan dan versi Braille bagi komuniti OKU MP. Modul ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara baharu yang diperkenalkan melalui MQBM. Seterusnya, modul ini juga banyak memaparkan contoh dan bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

Pertama, penekanan yang disentuh adalah mengenai keperluan dalam penambahbaikan daripada al-Quran Braille lama kepada al-Quran Braille baharu. Ia telah ditulis dalam Bab 1 mengenai Ilmu Penulisan al-Quran. Pengguna akan

diterangkan secara terperinci sejarah perkembangan penulisan teks al-Quran sehinggalah justifikasi penambahbaikan terhadap mashaf al-Quran Braille. Mashaf al-Quran Braille sedia ada perlu ditambahbaik dengan merujuk kepada kaedah penulisan *Rasm Uthmani* seperti praktikal di dalam penulisan Mashaf al-Quran bercetak.

Apabila tercetusnya kesedaran mengenai keperluan untuk menulis al-Quran mengikut kaedah *Rasm Uthmani*, bab seterusnya memperkenalkan sistem penulisan Braille. Bab 2 tersebut menjelaskan sejarah perkembangan penulisan titik timbul yang dikenali tulisan Braille sebagai medium literasi komuniti OKU MP. Tulisan titik timbul ini telah diadaptasi dalam penulisan al-Quran Braille. Bab 1 dan Bab 2 banyak memaparkan pelbagai rajah yang berwarna bagi menarik minat pengguna. Di bawah menunjukkan beberapa rajah berwarna yang terdapat di dalam MPQBM.



Rajah 4.1: Rajah berwarna dalam MPQBM

Manakala, Bab 3 dan Bab 4 berkaitan kaedah penulisan al-Quran Braille terbaru beserta contoh dan latihan. Terdapat sembilan penambahan kod tanda baca Braille iaitu *Tanwin Itba'*, *Sifr Mustadir*, *Sifr Mustatil*, *Tashil*, *Imalah*, *Isyamm*, *sajdah*, *Saktah* dan

dijalankan melalui aplikasi ‘Google Meet’. Menurut Panel 1, lebih memilukan lagi apabila pembangun modul OKU MP tidak dapat melihat dan hanya dapat mendengar perkara yang dibincangkan sahaja. Jika perbincangan dapat dijalankan secara bersemuka, mereka berpeluang membaca draf modul yang telah dirangka secara sentuhan. Keadaan ini akan memberikan kefahaman yang lebih jelas dalam kalangan pembangun modul dan perbincangan dapat dijalankan dengan lebih lancar.

Cabaran seterusnya adalah cara penyusunan kandungan modul. Panel 2 mengatakan susunan kandungan modul perlu mengambil kira aspek disiplin ilmu *Rasm* dan *Dhabit* serta keperluan pengguna modul. Pengguna modul terdiri daripada pelbagai latar belakang penguasaan. Maka, contoh-contoh dan latihan yang disediakan perlu disesuaikan dan mudah difahami oleh semua peringkat pengguna.

6. Keunikan dan Keistimewaan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Modul ini adalah modul pertama yang dibangunkan khas dalam pengajaran al-Quran Braille di Malaysia. Ia diterbitkan dalam dua versi cetakkan iaitu versi bercetak bagi yang berpenglihatan dan versi Braille bagi komuniti OKU MP. Ia bertujuan memenuhi keperluan komuniti OKU MP dalam memahami dan mempelajari al-Quran Braille sesuai dengan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka. Menurut Panel 1,


“Ia disusun satunya sesuai ataupun mesra untuk OKU buta bila diterjemahkan ke dalam bentuk Braille, dia tak macam sebahagian modul untuk orang celik. Ia memang boleh diterjemah je ke dalam bentuk Braille tapi kadang-kadang bila diterjemah dalam bentuk Braille dia tidak selari kan ataupun dia tidak mesra pengguna. Cara susunan terutamanya sekali susunannya kalau macam contohnya buku-buku...kalau banyak sangat jadual, banyak sangat graf, Dia kurang sesuai dengan

OKU MP bila nak dibraillekan itu kemungkinan dia tak mencapai maksud”

Rajah 4.3 dan Rajah 4.4 menunjukkan 2 buah MPQBM dalam 2 versi cetakan:



Rajah 4.3: MPQBM versi bercetakan



Rajah 4.4: MPQBM versi Braille

Manakala Panel 2 mengatakan bahawa terdapat banyak bahan modul pengajaran Braille diterbitkan oleh negara jiran. Namun, apabila Malaysia telah menghasilkan MQBM, maka ia perlu kepada satu dokumen yang menjadi pengenalan kepada penulisan MQBM. Perubahan-perubahan dalam penulisan MQBM adalah terkini dan masih belum diterokai oleh negara-negara lain.

Pembangunan modul ini dirangka dengan menghubungkan kait nilai ilmu secara teori dan nilai kemahiran secara praktikal. Keunikan pendekatan kandungan modul ini dimulakan dengan perbincangan berasaskan prinsip ilmu *Rasm* dan *Dhabit al-Quran*. Kaedah penulisan modul ini juga adalah ringkas, padat dan mengemukakan contoh-contoh bagi memudahkan pengguna memahami konteks perbincangan dengan lebih berkesan. Di samping itu, MPQBM versi Braille turut disertakan nombor muka surat bercetak bagi memudahkan sesi pembelajaran antara mereka yang berpenglihatan dan OKU MP.

7. Perancangan Pengembangan Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Terdapat beberapa perancangan dalam menyebarkan penggunaan MPQBM. Antaranya dengan mengadakan bengkel *Training of Trainers* (ToT) pengajaran MQBM. Menurut Panel 1, bengkel ToT akan dijalankan kepada para pengajar untuk memberi pendedahan berkaitan kaedah penulisan MQBM. Bengkel tersebut akan dijalankan mengikut beberapa peringkat iaitu peringkat KPT, KPM dan pusat-pusat pengajian al-Quran Braille. Maka, modul ini akan digunakan dalam bengkel tersebut. Ia telah dinyatakan oleh Panel 2 iaitu;

“Sebenarnya, sama ada mereka secara sedar atau tidak, apabila mereka hendak menggunakan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia yang terkini ni, mereka juga perlu menggunakan juga modul ini. Apa yang akan berlaku ialah dari pandangan saya ialah modul ini dapat permintaan yang baik daripada tenaga pengajar. Pihak PERTIS perlu giat mengaktifkan pelaksanaan bengkel pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia ini . Jadi, apabila sesi-sesi bengkel ini aktif, maka mereka perlukan modul untuk dijadikan panduan mengajar. Ketiga, pihak KPM perlu aktifkan sesi bengkel di peringkat KPM. Hal yang sama juga akan berlaku. Mereka akan cari juga modul. Sebab modul ini bahan dia dah tetap. Apabila bengkel aktif dijalankan dimana-mana pihak, maka mereka tidak lari dengan menggunakan modul ini.”

Oleh demikian, setiap kelemahan dan kekurangan yang dapat dikenal pasti melalui penggunaan MPQBM edisi pertama akan ditambahbaik dalam penerbitan MPQBM edisi kedua. Namun begitu, Panel 1 mencadangkan agar hasil penelitian penggunaan MPQBM daripada sesi ToT, berupaya menghasilkan beberapa modul lain mengikut kategori latar belakang penguasaan al-Quran Braille.

Perancangan seterusnya adalah menghasilkan MPQBM dalam pelbagai terjemahan bahasa. MPQBM akan diterjemahkan apabila MQBM berpotensi diperkenalkan di negara-negara jiran seperti yang dinyatakan oleh Panel 2;

“Modul ini memberi tumpuan kepada mereka yang ingin mempelajari kaedah Mashaf Al-Quran Braille Malaysia yang baru diperkenalkan. Bahkan saya rasa kalau masa-masa akan datang kalau modul ini diterjemahkan dalam bahasa-bahasa lain contoh Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris terutamanya. Jadi, ia berpotensi besar untuk memberi maklumat kepada pengguna sasar di luar negara untuk mengenali kaedah penulisan yang diperkenal oleh Mashaf Al-Quran Braille Malaysia. Itu pandangan saya.”

Panel ini mengulas lanjut;

“Saya rasa negara-negara a’jam dan negara-negara bukan Arab lebih terbuka untuk menerima kaedah baru kaedah penulisan Al-

Quran Braille seperti Turki, Indonesia dan negara-negara yang belum mengeluarkan Al-Quran Braille sendiri. Bagi saya kita mempunyai peluang yang besar untuk memperkenalkan kaedah penulisan Mashaf Al-Quran Braille Malaysia ini seperti Brunai. Mereka mendapatkan Al-Quran dari luar. Singapura pun sama... rasa mereka lebih terbuka untuk menerima Al-Quran daripada negara luar.”

4.4 Penilaian Kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Bahagian ini akan mengemukakan hasil kajian berdasarkan kepada persoalan kajian kedua dan ketiga seperti yang dinyatakan di dalam Bab 1. Temu bual yang dijalankan ini adalah untuk mendapatkan komen dan cadangan terhadap keseluruhan kualiti MPQBM dan penerimaan mereka terhadap MPQBM. Pelbagai komen dan cadangan yang diberikan oleh peserta kajian bagi menambahbaik modul yang dibangunkan. Setelah temu bual dijalankan, audio temu bual kemudiannya telah ditranskrip dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. Setelah dianalisis dan dikodkan, pengkaji menjalankan penilaian *Cohen kappa* bagi mendapatkan pengesahan tema. Bagi menilai kualiti MPQBM, dua kategori yang akan dinilai iaitu kualiti kandungan modul dan potensi keberkesanan.

4.4.1 Penilaian Kualiti Kandungan Modul

Dapatan berikut berkaitan penilaian kualiti kandungan modul. Terdapat dua tema yang dibentuk berdasarkan sub tema yang dihasilkan iaitu objektif pengajaran dan isi kandungan modul. Jadual 4.3 di bawah menunjukkan secara terperinci kategori, tema dan sub tema yang dibentuk berkaitan penilaian kualiti modul.

Jadual 4.3: Penilaian Kualiti Kandungan Modul

Kategori	Tema	Sub tema
Kualiti kandungan modul	Objektif pengajaran	Menepati objektif pengajaran
	Isi kandungan modul	Jelas dan menarik
		Soalan penilaian mencukupi dan baik

4.4.1.1 Penilaian Kualiti Kandungan dari Aspek Objektif Pengajaran

1) Menepati Objektif Pengajaran

Berdasarkan data transkrip temu bual mendapati kebanyakan peserta mengatakan MPQBM ini sesuai dengan objektif pengajaran sekali gus membantu mereka dalam sesi PdP. Seperti yang dinyatakan oleh PK3 iaitu;

“Isi kandungan yang terdapat dalam modul ini menepati objektif pengajaran al-Quran di sekolah bermasalah penglihatan dan memudahkan murid memahami simbol Braille seterusnya dapat membaca al-Quran dengan betul dan lancar”.

Ia turut disokong oleh PK1 dengan mengatakan;

“Sangat membantu dan menepati objektif pengajaran saya. Setakat ni topik pengajaran yang disediakan memang sesuai dalam PdP saya. Saya faham ok dah ni. Ia menepati dan sangat membantu saya dalam pengajaran”.

MPQBM bukan sahaja dapat membantu guru dalam pengajaran malah mereka yang mengalami masalah penglihatan juga dapat mengambil manfaat dari modul ini. Ia dibuktikan dengan kenyataan PK4 yang mengatakan;

“.. ia sangat menepati objektif pengajaran saya dan berguna untuk orang buta yang kanak-kanak dan dewasa jika ia diaplikasikan secara menyeluruh”.

Manakala PK6 berpandangan bahawa isi kandungan MPQBM hampir sama dengan silibus Pendidikan Islam sekolah rendah dari Tahun Satu sehingga Tahun 6. Beliau mengatakan,

“Isi kandungan dia ni ok. Dia memang asas dan untuk mengajar murid-murid pun menggunakan ini juga. Saya ambil untuk tahap 1 sahaja, kita memang dalam Pendidikan Islam kita memang ada tajuk-tajuk ni dalam pembelajaran murid. Kalau tengok kat sini, topik 1 dan 2 ok jelas. Tapi saya lebih suka tekankan topik 3 dan 4. Sebab tu ‘main’ untuk pengajaran murid nanti. Kita nak dia menguasai dulu. Kalau tengok dekat subtopik dia, huruf hija’iyah, huruf tambahan, tanda baris, bacaan mad dan lain-lain tu ok. Memang ada dalam buku teks silibus pun ada dan kalau dia baca al-Quran pun ada. Dengan ada modul ni saya terus aplikasikan dalam kelas. Buku teks yang baru pun baru sampai, jadi bahan pun ada. Jadi terus kita ajar mereka”.

Berhubung perkara ini juga, PK5 turut mengakui bahawa MPQBM membantu beliau dalam pengajaran namun tidaklah 100% topik ini akan disentuh dalam PdP beliau. Ia perlu dilihat melalui sukatan pembelajaran,

“Modul ini membantu dalam mencapai objektif pengajaran saya. Oleh kerana saya mengajar sekolah rendah, tak adalah tinggi sangat berkaitan tajwid-tajwid. Kalau dekat sekolah rendah ni banyak kepada kenalkan huruf dan baris-baris. Bagi mereka boleh baca dulu... Modul ni sesuai mengikut sukatan dan objektif pengajaran yang nak diajar. Mungkin tak semua disentuh dalam modul ni untuk diajar. Tapi untuk bahan rujukan sangat bagus dan sesuai... Modul ni juga membantu memudahkan untuk saya mengajar kepada murid-murid”.

Semua taburan sub tema mengikut peserta kajian yang telah dibincangkan di atas digambarkan di dalam Jadual 4.4 di bawah:

Jadual 4.4: Taburan penilaian kualiti kandungan dari aspek objektif pengajaran

Bil	Sub Tema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
1	Isi kandungan modul menepati objektif pengajaran	/	/	/	/	/	/

4.4.1.2 Penilaian Kualiti Kandungan dari Aspek Isi Kandungan Modul

Dalam tema penilaian kualiti kandungan dari aspek isi kandungan modul, transkripsi jawapan temu bual telah distrukturkan kepada dua sub tema iaitu jelas dan menarik dan soalan penilaian mencukupi. Tema-tema tersebut dikodkan dan ditunjukkan di dalam Jadual 4.5 di bawah:

Jadual 4.5: Penilaian kualiti kandungan dari aspek isi kandungan modul

Tema	Sub tema
Isi kandungan modul	Jelas dan menarik
	Soalan penilaian mencukupi dan baik

1) Kandungan Jelas dan Menarik

Kandungan yang disusun dalam MPQBM secara keseluruhannya jelas dan menarik dari segi tajuk, penyampaian, contoh serta latihan yang disediakan. PK2 menjelaskan;

“Maklumat dalam ni besertakan contoh nampak bagus dan menarik...”

Malah, maklumat yang disampaikan turut memberi kefahaman yang jelas terhadap pembaca. Menurut PK1;

“Kandungan modul ni menarik dan lagi berkesan. Apabila baca buku ni mudah faham..”

Di samping itu, terdapat juga peserta kajian yang menyatakan tajuk yang dipilih adalah menarik dan sesuai bagi mereka yang ingin mempelajari al-Quran Braille. Ia dibuktikan dengan penjelasan PK6 bahawa;

“Merujuk modul ni, bagi saya ok menarik. Sangat mudah untuk saya faham. Isi kandungannya ada 5 topik utama yang ‘basic’ dan perlu semua guru dan murid perlu tahu untuk menguasai penulisan dan pembacaan Braille...”. Tambah beliau, “Bagi saya modul lebih mudah untuk saya faham. Dia ‘straight to the point’. Kalau kita nak baca atau tulis ayat al-Quran tu, dia tunjukkan ayat al-Quran dalam tulisan biasa dan kod Braille. Jadi mudah untuk kita kuasai kod-kod ni.”

PK5 juga mempunyai pandangan yang serupa dengan mengatakan;

“Kandungan dalam modul ni mudah nak ‘follow step-step’ dia. Jelas dan boleh faham...”.

Selain itu, modifikasi yang terdapat pada isi kandungan MPQBM turut membantu guru memahami kandungan pelajaran dan ini telah dijelaskan oleh PK3 yang menyatakan;

“Pada pendapat saya isi kandungan modul amat jelas sebagai panduan guru untuk mengajar murid-murid yang bermasalah penglihatan. Isi kandungan yang terdapat dalam modul ini tidak mengelirukan pembaca. Isi kandungannya amat mudah difahami pembaca”

2) Soalan Penilaian Mencukupi dan Baik

Setiap topik mengandungi soalan latihan bagi mengukuhkan kefahaman pembaca berkaitan tajuk yang dibahaskan. Responden menyatakan bahawa mereka berpuas hati

dengan soalan yang disediakan dalam modul MPQBM secara keseluruhannya. Soalan latihannya jelas, lengkap dan menarik seperti yang dinyatakan oleh PK2 iaitu

“Bagi saya latihan bagi sub topik yang ada tu dah terbaik... kemudian dihujung topik pun ada latihan pengukuhan lagi”.

Hal ini juga turut di sokong oleh PK5 dan PK1 dengan menjelaskan

“Latihan pun ok dan cukup untuk saya....”

Dan

“... rasa macam cukup sebab setiap topik ada 5 contoh dan latihan. Saya faham soalnya. Kita pun boleh cari di dalam al-Quran kalau nak tengok contoh-contoh lain”.

Namun, PK4 memberi pandangan lain mengenai latihan yang disediakan perlu lebih praktikal khususnya kepada mereka yang baru belajar al-Quran Braille,

“Ia amat lengkap dan sangat bersesuaian cuma perlukan praktikal yang lebih untuk guru dan murid yang baru belajar”.

Dari sudut yang lain, penyampaian soalan juga adalah antara faktor penting dalam proses pembentukan soalan bagi memastikan penyampaian tersebut dapat disampaikan serta memberi kefahaman kepada pengguna. Ia perlu menggunakan penyampaian yang ringkas dan jelas. Sebagai contoh huraian PK3;

“Latihan pengukuhan yang terdapat di dalam modul sudah lengkap untuk dijadikan latihan sebagai memahirkan pemahaman tentang simbol Braille”.

Antara huraian lain yang menyokong iaitu PK6 yang mengatakan;

“Latihan ni sangat praktikal, kita dah baca nota dahulu, dah faham kita buat latihan tu. Kalau salah kita boleh ‘refer’ balik contoh-contoh dia. Jadi latihan tu bagus”.

Semua taburan sub tema mengikut peserta kajian yang telah dibincangkan di atas digambarkan di dalam Jadual 4.6 di bawah:

Jadual 4.6: Taburan penilaian kualiti modul dari aspek isi kandungan modul

Bil	Sub tema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
1	Jelas dan menarik	/	/	/	/	/	/
2	Soalan penilaian mencukupi dan baik	/	/	/	/	/	/

4.4.2 Penilaian Potensi Keberkesanan Modul

Kajian telah dijalankan terhadap MPQBM bagi menjawab soalan kajian berkaitan penilaian kualiti modul dari aspek potensi keberkesanan. Transkripsi jawapan temu bual telah distrukturkan berasaskan kepada tiga tema iaitu kebergunaan, fleksibiliti dan persembahan yang dijelaskan di dalam Jadual 4.7 di bawah:

Jadual 4.7: Penilaian potensi keberkesanan modul

Kualiti Modul	Kategori	Tema
		Potensi keberkesanan

4.4.2.1 Penilaian Potensi Keberkesanan Modul dari Aspek Kebergunaan

Secara ringkasnya, berdasarkan analisis tema-tema yang diperoleh melalui data tersebut, semua peserta kajian berpendapat bahawa MPQBM sesuai dijadikan panduan dan sumber rujukan, mudah faham dan praktikal, membantu dalam meningkatkan

kefahaman serta membantu mengingat kod Braille seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 4.8 di bawah:

Jadual 4.8: Penilaian potensi keberkesanan modul dari aspek kebergunaan

Tema	Sub tema
Kebergunaan	1) Panduan dan sumber rujukan
	2) Mudah faham dan praktikal
	3) Meningkatkan kefahaman
	4) Mengingat kod Braille

1. Panduan dan Sumber Rujukan

Sebelum ini buku rujukan berkaitan al-Quran Braille kurang diterbitkan, oleh demikian guru terpaksa melakukan inisiatif lain dalam mempelajari al-Quran Braille dengan lebih mendalam. Tambahan pula, MQBM baru sahaja diterbitkan, maka belum lagi terdapat modul yang membahaskan berkaitan penulisan MQBM berasaskan *Rasm Uthmani*. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan PK5 iaitu;

“...modul ini memberi panduan kepada kita yang pengguna Braille untuk nak mengetahui penulisan mashaf Al-Quran Braille yang baru ni... Sebelum ni tak ada buku panduan macam ni.”

Malah PK3 turut menyokong dan berpendapat bahawa;

“...modul ini sesuai dijadikan panduan untuk guru mengajar murid yang menggunakan al-Quran Braille..”

Selain itu, peserta kajian turut memberi pandangan berkaitan topik yang dibahaskan dalam MPQBM iaitu ia bersesuaian dengan pengajaran dan membantu guru dalam sesi PdP, merujuk PK4;

“Tajuknya amat bersesuaian dan sangat membantu untuk orang yang menggunakannya sepenuhnya untuk rujukan.”

dan ini turut disokong dari contoh pernyataan PK1 iaitu;

“Bila ada modul ni, lebih faham, sebab boleh baca, ada contoh dan soalan. Jadi senang untuk kita rujuk. Memang tepatlah buku ni. Boleh buat panduan dalam pengajaran.... Kalau kita bagi penerangan je, ia tak ingat lama. Sebab dia nak rujuk tak boleh. Kalau nak tahu apa-apa yang berkaitan, boleh rujuk modul ni”

Melalui pernyataan PK4 dan PK1, kajian ini menyimpulkan bahawa MPQBM membantu guru sebagai panduan dalam penyampaian pengajaran dengan lebih efektif. Di samping itu, kajian ini juga membuktikan bahawa MPQBM dapat memberi galakan kepada guru untuk terus bersemangat mengajar al-Quran Braille kepada OKU MP.

2. Mudah Faham dan Praktikal

Menurut peserta kajian, maklumat yang terkandung dalam MPQBM mudah difahami dan dipraktikkan dalam sesi pembelajaran. Ia dibuktikan dengan kenyataan oleh PK1 iaitu;

“... cara penyampaian dan maklumat dalam buku sangat berkesan. Sebab rasa lagi faham. Lepas tu kita nak sampaikan pada anak-anak murid pun rasa mudah dan senang. Apabila baca buku ni selalu mudah faham”.

Hal ini diakui juga oleh PK4 dengan menyatakan;

“Ia sangat membantu dan mudah faham untuk saya”.

3. Meningkatkan Kefahaman

Penyampaian pengajaran yang sistematik dalam MPQBM dilihat dapat membantu meningkatkan kefahaman dan kemahiran mereka dalam mengenal, membaca serta memahami al-Quran Braille dengan lebih mendalam. Contoh PK3 menyatakan;

“Modul ini dapat meningkatkan kefahaman saya dalam pengajaran al-Quran Braille. Ini kerana modul ini lengkap dengan penerangan tentang titik Braille asas sehingga kepada pembahagian jilid, juzuk, hizb dan sebagainya yang berkaitan tentang al-Quran. Saya sebagai guru dapat mempelajari al-Quran Braille dan membaca tulisan Braille dengan mudah.”

Perkara sama juga dibahaskan oleh PK1 dengan menjelaskan;

“Bila ada modul ni dia akan ada contoh, latihan dan lepas tu ada penerangan dia. Contoh, tanwin ada penerangan tentang jenis tanwin, contoh serta latihan. Lagi faham”.

Malah, turut disokong oleh PK2 dengan menyatakan:

“.. boleh membantu tingkatkan kefahaman dalam al-Quran Braille baru ni ...untuk diorang yang nak tahu suatu topik tu, contoh mereka nak terangkan sifr Mustadir dengan lebih detail, mereka boleh rujuk disini”

Menurut beliau lagi:

“ Saya sendiri sejujurnya banyak benda dalam modul ini saya baru tahu dan belajar juga....”

Manakala PK5 berpendapat bahawa apabila sesuatu bahan dibekukan menjadi satu modul yang lengkap, mudah bagi mereka untuk membaca dan merujuk serta tidak mudah timbulnya ketidakjelasan terhadap sesuatu topik,

“Saya tak keliru sebab sebelum ni saya dah belajar Rasm, Dhabit dan Fawasil. Tapi apabila dah dibukukan kepada Braille lagi membantu dan jelas kefahaman tu. Jadi modul ni dapat meningkatkan kefahaman saya tentang penulisan al-Quran Braille”.

4. Mengingat Kod Braille

Seterusnya, penyampaian kandungan besertakan contoh dan latihan telah membantu peserta dalam mengingat kod Braille khususnya kod braille al-Quran. Hal ini dapat dilihat daripada huraian PK3 iaitu:

“Latihan-latihan yang disediakan dapat membantu saya mengingat simbol Braille dan menjadikan saya mahir membaca al-Quran Braille”.

Malah turut disokong oleh PK5 dengan menjelaskan;

“latihan membantu kita ingat balik apa yang kita baca....”.

Semua taburan sub tema mengikut peserta kajian yang telah dibincangkan di atas disenaraikan di dalam Jadual 4.9 seperti di bawah:

Jadual 4.9: Taburan penilaian potensi keberkesanan modul dari aspek kebergunaan

Bil	Sub tema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
1	Mudah faham dan praktikal	/			/		
2	Sebagai panduan dan sumber rujukan	/		/	/	/	
3	Meningkatkan kefahaman	/	/	/		/	
4	Mengingat kod Braille			/		/	

4.4.2.2 Penilaian Potensi Keberkesanan Modul dari Apek Fleksibiliti

Dapatan berikutnya berkaitan tema potensi keberkesanan modul dari aspek fleksibiliti. Terdapat dua sub tema yang dihasilkan daripada kajian yang dijalankan iaitu, kepelbagaian lapisan pengguna dan kepelbagaian latar belakang penguasaan pengguna seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 4.10 di bawah:

Jadual 4.10: Penilaian Potensi Keberkesanan Modul dari Apek Fleksibiliti

Tema	Sub Tema
Fleksibiliti	1) Kepelbagaian lapisan pengguna 2) Kepelbagaian latar belakang penguasaan pengguna

1) Kepelbagaian Lapisan Pengguna

Setelah pengkaji menjalankan kajian, didapati MPQBM adalah modul yang mesra pengguna dan sesuai digunakan oleh semua komuniti sama ada yang mengalami masalah penglihatan mahupun mereka yang tipikal. Menurut PK2, MPQBM bukan sahaja boleh digunakan oleh guru malah mereka yang berkeperluan dalam mempelajari al-Quran Braille juga dapat menggunakannya,

“Secara umumnya semua boleh guna”.

Malah, ia turut disokong oleh PK3 dengan mengatakan;

“Modul ini juga sesuai kepada individu-individu luar selain guru seperti mereka yang mempunyai anak bermasalah penglihatan. Individu yang mahu mengajar di rumah juga sesuai menggunakan modul ini sebagai panduan”.

PK1 juga memberi contoh yang sama iaitu

“Saya rasa dapat membantu. Kalau ibu bapa nak ajar di rumah guna modul ni, rasa lebih cepat dan membantu anak tu nak belajar al-Quran.”

Melihat kepada aspek murid pula, PK6 berpendapat;

“Mereka antara diorang pun boleh sama-sama mengulang kaji...”

Oleh itu, pengkaji dalam merumuskan dari kenyataan peserta kajian diatas bahawa penyampaian kandungan dan bahasa yang disampaikan dalam MPQBM sesuai digunakan oleh masyarakat umum.

2) Kepelbagaian Latar Belakang Penguasaan Pengguna

Secara keseluruhannya, peserta telah memberi pandangan bahawa bahan dan aktiviti dalam modul ini sesuai dengan tahap kemampuan seseorang. Kandungan yang terkandung dalam MPQBM ini jelas dan sesuai digunakan oleh pengguna yang mahir mahupun yang baru dalam mendalami al-Quran Braille. Ia dibuktikan dengan kenyataan PK6 iaitu;

“... memang sangat sesuai sebab ia senang untuk difahami. Pendapat saya, orang yang tak pandai Braille bila baca modul ni boleh faham. Daripada mula modul ni cerita macam mana kedudukan kod Braille tu. Tak ada masalah untuk faham. Bagi saya yang 'beginner' dan lama juga mudah difahami walaupun kita tahu sikit-sikitkan. Mereka mudah untuk follow”

Disamping itu, PK4 berpendapat topik yang disentuh didalam MPQBM sesuai dengan mencakupi semua perkara yang penting dalam mempelajari al-Quran Braille serta menyarankan kepada guru untuk menggunakannya,

“Tajuk pengajarannya sangat sesuai kerana ia merangkumi semua peringkat dari yang baru mengenal huruf jawi Braille hingga yang dewasa. Guru lama atau guru baru wajib mempelajarinya dan menggunakannya secara menyeluruh”

Malah, ia turut disokong oleh PK3 bahawa

“Modul ini sesuai digunakan oleh guru-guru pendidikan Islam yang baru dan juga yang telah mempunyai kepakaran dalam al-Quran Braille”.

Namun pendapat PK1 sebaliknya, beliau berpendapat bahawa MPQBM sukar untuk digunakan oleh mereka yang tidak pernah mengetahui tentang sistem penulisan Braille. Ia akan menimbulkan sedikit kekeliruan. Hal ini dapat dilihat melalui PK1 yang menjelaskan

“Cikgu-cikgu baru yang faham titik Braille dia boleh ikut modul ni kecuali tak pernah join dan tak pernah langsung faham titik Braille macam mana. Kalau dia dah faham titik Braille ni, nak masuk ke modul ni dia faham. Dia boleh baca. Kalau kita bagi modul ni dekat mereka yang dah lama dengan dengan al-Quran Braille contoh ahli PERTIS, rasanya sangat membantu”.

Manakala PK2 berpendapat bahawa topik yang terkandung dalam MPQBM boleh difahami mengikut kesesuaian dan tahap kefahaman masing-masing

“Topik 3, 4 dan 5 ni untuk ‘beginner’ dan ‘expert’ boleh insyaallah.. mungkin boleh ‘adjust’ kesesuaian mereka”.

Semua taburan sub tema mengikut peserta kajian yang telah dibincangkan di atas digambarkan melalui jadual 4.11:

Jadual 4.11: Taburan penilaian potensi keberkesanan modul dari aspek fleksibiliti

Bil	Tema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
1	Kepelbagaian lapisan pengguna	/	/	/			/
2	Kepelbagaian latar belakang penguasaan pengguna	/	/	/	/		/

4.4.2.3 Penilaian Potensi Keberkesanan Modul dari Aspek Persembahan

Dalam tema penilaian potensi keberkesanan modul dari aspek persembahan, transkripsi jawapan temu bual telah distrukturkan kepada dua sub tema iaitu susunan yang teratur, penggunaan istilah dan ilustrasi. Tema-tema tersebut dikodkan dan ditunjukkan dalam jadual 4.12 berikut:

Jadual 4.12: Penilaian potensi keberkesanan modul dari aspek persembahan

Tema	Sub tema
Persembahan	1. Susunan teratur
	2. Penggunaan istilah
	3. Ilustrasi

1) Susunan Yang Teratur

Menurut peserta kajian, strategi berperingkat dalam pembelajaran modul MPQBM dapat dilihat melalui topik-topik yang dibahaskan dan disusun secara logik dan sistematik. PK3 berpendapat bahawa;

“Isi kandungan yang terdapat dalam modul ini disusun secara logik dan mempunyai kesinambungan dengan satu tajuk dengan tajuk yang lain. Iaitu ia bermula dengan penceritaan sejarah al-Quran itu sendiri sehingga bagaimana al-Quran Braille bermula dicetak.... Ia berakhir dengan bagaimana cara pembaca memahami pembahagian jilid mengikut mukasurat al-Quran bercetak”.

Ciri penyampaian yang tersusun dan teratur telah memberi kefahaman jelas kepada pengguna serta memudahkan pengguna untuk merujuk. Menurut PK1;

“... menepati dan sangat membantu. Kita rasa senang buat rujukan. Kalau tak faham, senang nak cari sebab ada turutan dia. Dia tak campur-campur. Susun ikut turutan. Macam hukum 5, dia

kumpulkan satu tempat. Contoh lagi seperti hukum nun mati, mim mati, ikhfak syafawi. Jadi kita nak sampaikan kepada murid pun kita tak jadi serabut sangat”.

Selain itu, strategi berperingkat yang dipraktikkan dalam MPQBM adalah sesuai dan berkesan. Ia dapat dilihat dari sudut pembahagian topik yang disusun dalam sesi pembelajaran secara berperingkat daripada tajuk asas iaitu mudah kepada tajuk yang sukar. Hal ini dinyatakan PK5 iaitu;

“Dalam ni dia susun dari senang sehingga susah. Makin tinggi makin susah tajuknya. Dari permulaan dia tunjuk asas huruf-huruf hija’iyah, lepas tu perkenalkan baris pula. Bagi saya mudah kita nak mengikuti kandungan ni.”

Malah, subtopik yang disusun hampir sama dengan standard pembelajaran KPM dalam buku teks Pendidikan Islam. Sekali gus dapat membantu guru dalam sesi pengajaran. Berikut adalah pandangan PK6 iaitu; “... susunan subtopik dalam modul ni sama juga dengan susunan dan pembahagian dalam buku teks. Saya rasa modul ni memang ‘follow’ dengan pengajaran silibus KPM tetapkan. Tak ada masalah, kita ajar murid pun’ step by step”.

2) Penggunaan Istilah

Majoriti peserta kajian menyatakan bahawa kandungan penyampaian MPQBM mudah difahami kerana modul ini menggunakan kosa kata dan bahasa yang mudah dan jelas. Ia dibuktikan oleh PK3 dengan menyatakan bahawa,

“Istilah yang digunakan dalam modul amat mudah difahami guru dalam pengajaran”.

Malah, turut disokong oleh PK5 iaitu;

“Istilah-istilah yang digunakan setakat yang saya baca ni tak ada yang tak jelas dan semua faham. Bahasa biasa je tidak terlalu tinggi. Mudah faham”.

Peserta kajian juga berpendapat bahawa penggunaan bahasa dalam modul ini sesuai dengan tahap keupayaan mereka, terutamanya dalam aspek tahap kesukaran dan penggunaan istilah. Menurut PK6;

“Bagi saya yang dah besar ni ok tak keliru. Dah pernah dengar istilah-istilah tu sebelum ni. ‘So far’ oklah”.

Manakala PK4 turut menyatakan perkara yang sama iaitu;

“Untuk saya istilahnya sama macam kita belajar baca al-Quran takda beza. cuma perlu difahamkan lebih lanjut lagi.”

3) Ilustrasi

Dari sudut penggunaan ilustrasi pula, ilustrasi yang disediakan cantik dan sesuai serta dapat menarik perhatian dan meningkatkan minat pengguna dalam mengikuti MPQBM dalam mempelajari al-Quran Braille. PK6 menjelaskan bahawa MPQBM sangat menarik kerana mengandungi elemen grafik dan warna yang digunakan pada kod Braille. Menurut beliau,

“Dari segi persembahan dia, gambar-gambarnya yang menarik, lepas tu dia akan terangkan kod-kod Braille. Dia ada kesinambunganlah. Gambar tadi membantu kita apa benda ni... lepas kita tengok gambar, next tajuk kod-kod Braille. Jadi, kita dah bersedia dah apa benda-benda tu. Jadi gambar-gambar ni kita dapat bayangan dulu. So oklah dari segi persembahannya.”

Menurutnya lagi;

“Yang seronoknya, dia ada ‘colour’ untuk titik Braille macam merah, hitam, hijau dan biru. Dia mudah untuk kita nak tangkap cepat kod tu Jadi, sekarang ni kita tengok dot Braille pada ayat-ayat al-Quran tu kita tahu tanda-tanda tu. Bagi saya,

tagging warna-warna tu sangat menarik dan mudah untuk saya faham”.

Pengkaji juga mendapati bahawa MPQBM tidak membosankan dan membantu pembaca khususnya mereka yang baru dalam mengenali kod-kod al-Quran Braille. Ia dibuktikan dengan kenyataan PK1 iaitu,

“Saya rasa semua ok. Bila ada gambar rajah lagi faham dan membuatkan modul ni tak bosan. Bagi saya titik-titik Braille yang berwarna bagi saya titik sama je. Kalau tak ada warna pun saya boleh faham. Sebab dah kenal kot. Kalau yang baru-baru nak belajar ni sesuai sangat sebab dalam modul ni ada tanda-tanda yang berwarna. Jadi dapat membantu membezakan huruf dan baris-baris ni. Malah, mudah juga mereka untuk membaca.”

Ia turut disokong oleh PK3 dengan mengatakan bahawa;

“Simbol titik Braille yang berwarna menjadi mudah untuk guru membezakan tanda-tanda bacaan dalam al-Quran.”

Manakala, terdapat peserta lain terutamanya yang OKU MP mengatakan rajah yang dipersembahkan dalam MPQBM ini mengandungi maklumat yang jelas serta membantu mereka dalam meningkatkan kefahaman dalam sesuatu topik. PK2 dan PK5 berpendapat bahawa;

“Bagi saya faham apa yang diterangkan dalam rajah ni” dan “keterangan dalam rajah mudah difahami. Saya faham apa yang diterangkan dalam rajah dalam modul ni”.

Semua taburan sub tema mengikut peserta kajian yang telah dibincangkan di atas digambarkan melalui jadual 4.13:

Jadual 4.13: Taburan penilaian potensi keberkesanan modul dalam aspek persembahan

Bil	Tema	PK1	PK2	PK3	PK4	PK5	PK6
1	Susunan yang teratur	/		/		/	/
2	Penggunaan istilah	/	/	/	/	/	/
3	ilustrasi	/		/			/

Jadual di bawah menunjukkan rumusan bagi analisis data kualitatif yang telah dijalankan.

Jadual 4.14: Rumusan bagi penilaian kualiti MPQBM

Kategori	Tema	Sub tema
Penilaian kualiti Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia	Objektif pengajaran	Menepati objektif pengajaran
	A) Kualiti kandungan modul	1. Jelas dan menarik
	Isi kandungan modul	2. Soalan penilaian mencukupi dan baik
	Kebergunaan	1. Sumber rujukan
		2. Mudah faham dan praktikal
		3. Meningkatkan kefahaman
		4. Mengingat kod Braille
B) Potensi keberkesanan	Fleksibiliti	1. Kepelbagaian lapisan pengguna
		2. Kepelbagaian latar belakang penguasaan pengguna
	Persembahan	4. Susunan teratur
		5. Penggunaan istilah

4.5 Penerimaan Guru Al-Quran di Malaysia Terhadap Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Dapatan berikut berkaitan pandangan peserta kajian berkaitan MPQBM. Terdapat empat tema yang telah dikenalpasti iaitu dari aspek penerimaan, cadangan penambahbaikan dan cadangan kelestarian modul.

4.5.1 Penerimaan

Secara keseluruhannya, pengkaji melihat respon yang positif daripada semua peserta kajian. Antaranya kenyataan yang diberikan oleh PK6 iaitu;

*“Secara jujur nya saya sangat berpuas hati dengan modul ni....
Jadinya, apa yang ditulis ni dan dipersembahkan dalam modul ni
secara keseluruhannya baik”.*

Peserta kajian juga bersetuju terhadap MPQBM sebagai bahan rujukan dalam mengetahui dan mendalami al-Quran Braille. Menurut PK5;

*“Saya sebagai pengguna Braille tegar ni memang membantu
sangat untuk saya”.*

PK4 juga turut berpendapat bahawa,

*“Modul ini sangat berguna dan bersesuaian kerana dibangunkan
oleh orang yang khusus dalam bidang ini... saya akan
manfaatkan sepenuhnya modul yang telah dibangunkan untuk
generasi murid cacat penglihatan. Seterusnya. Pendapat saya,
gunakan modul ini sebagai rujukan utama. baru lah ia akan
berkesan dan baca lah al-Quran tiap-tiap hari”.*

Ia bukan sahaja dapat membantu meningkatkan kefahaman peserta kajian malah dapat membantu mereka dalam penyampaian sesi pengajaran. Menurut PK1;

“Sepanjang menggunakan modul ni sangat membantu dekat saya... Alhamdulillah ustazah boleh menguasai modul ini.”

Namun PK2 pula berpendapat,

“Modul ini secara umumnya baik.... Tapi jangan bergantung 100% pada modul ini semata-mata perlu ada juga buku-buku lain untuk dirujuk....Saya berharap kalau nak jadikan modul ini sebagai bahan sumber utama, saya harapkan modul ini dia menyeluruh, maksud saya dia agak ‘simple’ tapi dia boleh digunakan kepada ‘beginner’ dan ‘expert’.”

Selain itu, mereka juga mengesyorkan kepada orang lain seperti guru dan ibu bapa untuk menggunakan MPQBM ini sebagai alat BBM sesi pembelajaran al-Quran Braille.

Hal ini dinyatakan oleh PK3 iaitu;

“... saya mengesyorkan supaya modul ini digunakan oleh guru-guru atau ibu bapa terutama yang mempunyai anak bermasalah penglihatan. Guru Kafa juga digalakkan membaca dan mempelajari ilmu Braille ini kerana ia amat berfaedah dan berguna demi masa depan anak-nak didik yang akan datang”.

4.5.2 Cadangan Penambahbaikan Modul

Terdapat tiga cadangan dalam penambahbaikan yang dicadangkan oleh peserta kajian dalam menambahbaik MPQBM. Antara cadangan penambahbaikan ialah susunan kandungan, pembahagian jilid dan latihan.

1) Susunan Kandungan

PK2 mencadangkan agar meneliti semula susunan kandungan agar lebih sesuai dan mudah difahami pembaca. Beliau berpendapat,

“Kalau dia duduk sekelompok sekelompok sub topik tu lagi menarik lah. Mungkin dari susunan format boleh dikaji lagi untuk penambahbaikan. Contoh dalam susunan sub topik. Susunan dia ada yang saya lihat tak sesuai. Apa yang berkaitan dengan tanwin dan nun kecil duduk sekali. Kemudian, berkaitan dengan mad, mim. Kalau mim kecil lebih dekat dengan kelompok nun. Tengok mana yang sesuai.”

2) Pembahagian Jilid

Modul MPQBM dicetak dalam dua versi cetakan iaitu versi tulisan biasa dan versi Braille. PK5 memberi pandangan mengenai modul cetakan versi Braille. Beliau berpendapat MPQBM dapat dibahagikan kepada dua jilid seperti buku teks cetakan Braille di sekolah. Menurut beliau;

“Saya rasa modul ni tebal sangat. Saya cadangkan modul ni boleh buat dua jilid. Sebab mudah dibawa dan kita tak baca semua sekali. Kalau buku Braille biasanya tak lebih 100 muka surat. Buku teks pun dia ada jilid. Tapi kalau dua jilid akan melibatkan kos pula.”

3) Latihan

Latihan soalan yang terdapat di dalam MPQBM perlu ditambah dan diperbanyakkan bagi mengukuhkan lagi kefahaman pengguna berkaitan al-Quran Braille. Sepertimana cadangan yang diutarakan oleh PK3 iaitu;

“Latihan pengukuhan sangat ringkas. Untuk penambahbaikan modul ni, saya mencadangkan agar ditambahkan lagi latihan pengukuhan supaya guru yang menggunakan modul ini lebih mahir dalam Braille.”

4.5.3 Cadangan Kelestarian Modul

Hasil temu bual mendapati terdapat beberapa cadangan bagi kelestarian modul MPQBM. Antara cadangannya adalah menjalankan kursus berkaitan pengajaran al-Quran Braille, mengadakan kursus tambahan dan menghasilkan modul lanjutan. Keterangan lanjut adalah seperti di bawah:

1) Menjalankan Kursus Berkaitan Pengajaran al-Quran Braille

Menurut peserta kajian, mereka mencadangkan untuk melakukan kursus bagi memberi pendedahan mendalam dan jelas berkaitan pengajaran al-Quran Braille. PK6 menyatakan;

“Saya sebagai guru, perlukan kursus lagi sebagai pendedahan.”

PK1 juga menyatakan pandangan yang serupa iaitu,

“Kalau ada kursus tentang al-Quran Braille dan menggunakan modul ini lagi bagus, lagi membantu dan faham lagi. Kadang-kadang apabila kita baca sendiri, ada yang kita tak faham, kita nak tanya siapakan. Kalau kita ada kursus, kita boleh kemukakan soalan dan boleh bincang. Macam guru-guru baru kalau dia baca sendiri ni, kadang-kadang mereka faham, kadang-kadang tak boleh faham”.

2) Kursus Tambahan

Selain daripada kursus berkaitan pengajaran al-Quran Braille, kursus tambahan lain juga diperlukan bagi memberi kefahaman yang mendalam mengenai cabang-cabang ilmu al-Quran. Seperti yang dinyatakan oleh PK2 bahawa,

“... modul ini saya rasa ada beberapa perkara yang agak tinggi untuk sesetengah guru. Mungkin guru-guru al-Quran ini tidak semua mendalami istilah-istilah itu walaupun mereka boleh mengajar al-Quran...”

Sementara itu, terdapat beberapa topik atau istilah yang terdapat di dalam MPQBM yang perlu diberi keterangan lanjut seperti yang dinyatakan oleh PK1 iaitu;

“... yang awal-awal ni ok, cumanya yang belakang-belakang tu perkataan juz, sifr, rubu, hizb semua tu saya kurang saya faham sikit. Tapi yang lain semua ok. Saya rasa kalau nak tahu lebih detail perkara-perkara ni kena masuk kelas al-Quran atau kelas tajwid pun bagus kalau ada”.

3) Modul Lanjutan

PK6 mencadangkan agar menghasilkan modul-modul lain bagi memberi pendedahan yang lebih luas serta pengukuhan berkaitan ilmu al-Quran. Ia bukan sahaja dihasilkan khusus untuk guru sahaja malah murid juga boleh menggunakannya. Menurut beliau,

“...perlu banyakkkan buku-buku latihan bukan sahaja guru juga boleh guna, murid pun boleh. Contoh setiap tajuk dan sub topik ada tajwid-tajwidnya. Jadi, cuba jadikan setiap tajuk tu latihan-latihan dia. Untuk kita lebih menguasai dan pendedahan dengan lebih lanjut lagi. Contoh macam buku aktiviti bagi murid-murid perdana.”

Jadual 4.15 di bawah menunjukkan secara terperinci kategori, tema dan sub tema yang dibentuk berkaitan penerimaan MPQBM dalam kalangan peserta kajian.

Jadual 4.15: Penerimaan Guru al-Quran di Malaysia terhadap Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia

	Tema	Sub-tema
Penerimaan Guru al-Quran di Malaysia terhadap Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia	Penerimaan	-
	Cadangan Penambahbaikan Modul	1. Susunan kandungan
		2. Pembahagian jilid
		3. Latihan
		1. Menjalankan kursus berkaitan pengajaran al-Quran Braille

Cadangan Kelestarian Modul	2. Kursus tambahan
	3. Modul lanjutan

4.6 Penutup

Dapatan kajian yang dijelaskan telah menjawab semua persoalan kajian dalam bentuk data kualitatif. Bab seterusnya akan membincangkan secara ringkas rumusan kajian, perbincangan , implikasi serta cadangan kajian lanjutan.